Kampung Terakhir
Singapura -
Kampung Lorong
Buangkok
Elna Hussin

Murid-murid dari Kelas 5 Murni sedang **khusyuk** membaca keratan akhbar yang diedarkan oleh Cikgu Lina. Artikel mengenai Bicentennial Singapura menarik perhatian mereka.

"Bicentennial Singapura ialah acara untuk memperingati 200 tahun Singapura sejak kedatangan Sir Stamford Raffles pada tahun 1819. Ada pelbagai acara yang akan diadakan pada tahun ini. Puncak acara gilang-gemilang ini ialah sambutan Hari Kebangsaan Singapura pada bulan Ogos yang mempamerkan pembangunan dan kemajuan negara kita sejak 200 tahun yang lalu," kongsi Cikgu Lina. Cikgu Lina memberikan tugasan kepada murid-murid.

"Bagi memperingati Bicentennial Singapura, Cikgu akan berikan tugasan kepada setiap kumpulan. Projek kamu bertemakan 'Kehidupan di masa lampau'. Sekiranya kamu sedar tentang kehidupan pada masa lampau, kamu akan lebih

menghargai kemudahan dan cara kehidupan pada masa kini," jelas Cikgu Lina.

"Singapura telah melalui arus kemajuan yang pesat sekali. Kehidupan kampung suatu ketika dahulu telah berubah menjadi kehidupan bandar yang maju dan canggih," tambah Cikgu Lina yang begitu bangga menceritakan tentang kemajuan tanah airnya.

Cikgu Lina membahagikan murid-murid kepada beberapa kumpulan. Kumpulan Nabilah terdiri daripada Nabil, Budi dan Laila. Nabilah telah dilantik menjadi ketua kumpulan.

Dahi Nabilah berkerut-kerut. Sukar untuk dia membayangkan kehidupan rakyat Singapura pada masa lampau. Semasa perbincangan, Laila berkongsi tentang pengalamannya melawat Kampung Lorong Buangkok. Nenek Laila yang berusia 65 tahun masih tinggal di sana. Pengalaman manis semasa melawat Nenek, sentiasa terpahat di ingatan Laila.

Laila menyarankan agar mereka pergi ke Kampung Lorong Buangkok untuk menerokai tempat itu. Kebetulan, sudah sebulan Laila tidak melawat neneknya. Ahli kumpulannya sebulat suara menyokong cadangan Laila.

Pagi itu, Nabilah berasa amat teruja. Dia dan ahli kumpulannya akan ke Kampung Lorong Buangkok. Tidak pernah terlintas di fikirannya masih ada sebuah kampung di Singapura.

Dari jauh, kelihatan seorang warga emas sedang bercucuk tanam. Laila mendekati warga emas itu lalu **memeluknya** dengan erat. Rupa-rupanya warga emas itu ialah nenek Laila, Nek Hendon. Sebaik sahaja berhadapan dengan Nek Hendon, rakan-rakan Laila terus bersalaman dengannya.

Budi, Nabil dan Nabilah **terpegun** melihat suasana di Kampung Lorong Buangkok. Suasana di kampung itu sungguh aman. Sesekali kedengaran ayam jantan berkokok dan burung-burung berkicauan. Udara yang segar dan nyaman dapat dirasai di situ.

"Kita seakan-akan berada di negara lain. Masih ada kampung di Singapura rupanya," kongsi Nabil.

Nek Hendon menghidangkan air teh panas dan mi hun goreng kepada para tetamunya. Ketika mereka sedang **rancak** berbual-bual, jiran Nek Hendon memberi sepinggan jemput-jemput pisang kepada Nek Hendon. Nek Hendon sempat membalas dengan sepinggan mi hun goreng.

"Kami memang sudah biasa dengan **amalan** bertukar-tukar juadah," jelas Nek Hendon.

"Sedap jemput-jemput pisang ni, Nek!" puji Laila.

Nek Hendon tersenyum melihat gelagat cucunya. Jemput-jemput pisang dibuat menggunakan pisang hasil daripada tanaman mereka sendiri.

"Apa yang Nek Hendon suka lakukan pada masa lapang?" tanya Nabilah.

Nek Hendon membawa Nabilah dan rakan-rakannya ke kebun kecil di belakang rumahnya.

"Pada masa lapang, Nenek gemar bercucuk tanam. Nenek dapatkan bahan-bahan masakan daripada tanam-tanaman

di kebun ini. Pada masa lampau, penduduk kampung bercucuk tanam agar mudah untuk mereka mendapatkan bahan ketika hendak memasak atau membuat ubat, " kongsi Nek Hendon.

Nek Hendon memperkenalkan tanaman-tanaman yang ada. Budi dan rakan-rakannya dapat melihat, memegang dan mengenali tanaman seperti serai, daun pandan, daun kesom, daun kari dan daun kunyit.

"Daun-daun ini saya pernah lihat di dalam peti ais rumah saya. Daun kesom ini Ibu masukkan ke dalam masakan asam pedas atau laksa," jelas Nabil yang sedang memegang daun kesom.

Nek Hendon sambung berkongsi tentang aktiviti masa lapangnya. Selain bercucuk tanam, Nek Hendon sering duduk di **beranda** dan berbual-bual dengan jiran tetangga. Setiap rumah akan membiarkan pintu pagar mereka terbuka pada siang hari, untuk mengalu-alukan kehadiran jiran. Dengan cara ini, mereka dapat mengeratkan silaturahim.

"Dahulu, semasa perayaan Hari Raya, rumah-rumah di sini akan dihiasi dengan lampu lap-lip dan lampu pelita. Suasana hari raya sungguh meriah," kata Nek Hendon.

"Seronoknya, Nek! Saya ingin merasai suasana beraya di kampung," kata Budi.

"Kini, tidak ramai penduduk di Kampung Lorong Buangkok. Ramai daripada mereka telah berpindah ke rumah pangsa. Kehidupan di rumah pangsa lebih selesa dan moden," sambung Nek Hendon.



"Nenek rindu akan kehidupan kampung seperti waktu dahulu. Arus kemajuan telah mengubah

kehidupan kita. Rakyat Singapura kini telah melalui **taraf** kehidupan yang lebih baik dibandingkan dengan masa lampau," kongsi Nenek Hendon.

"Nek Hendon akan berpindah ke rumah pangsa juga?" tanya Nabilah.

Nek Hendon hanya tersenyum. Kelihatan air mata **bergenang** di kelopak matanya. Nek Hendon dan Laila membawa Budi, Nabil dan Nabilah **menjelajah** seluruh Kampung Lorong Buangkok.



"Kampung Buangkok mula dibina sekitar tahun 1954. Kampung ini dahulunya dikenali juga dengan nama Kampung Selak Kain kerana kampung ini sering mengalami banjir," kongsi Nek Hendon.

Nabilah dan rakan-rakannya tertarik melihat seni bina rumah orang Melayu dan Cina di sana. Mereka juga ternampak

sebuah **surau** Al-Firdaus di sana. Nabil mengambil gambar untuk projek mereka.

Lawatan Nabilah dan rakan-rakannya ke Kampung Lorong Buangkok sungguh bermakna. Mereka lebih memahami kehidupan orang kampung dan berpengalaman menikmati suasana kampung.

Glosari

amalan	kebiasaan
beranda	ruang beratap tetapi tidak berdinding, di bahagian depan atau di sisi rumah
bergenang	berlinang
khusyuk	dengan penuh minat
memeluk	mendakap
menjelajah	mengembara
rancak	aktif
surau	bangunan yg lebih kecil daripada masjid tempat orang-orang Islam beribadat
taraf	mutu
terpegun	tercegat serta tidak dapat berkata apa-apa kerana terperanjat

Trivia

Kampung Lorong Buangkok mula dibina pada tahun 1954. Kini, kampung ini didiami oleh 18 keluarga masyarakat Cina dan 10 keluarga masyarakat Melayu. Kebanyakan penduduk di sana merupakan warga emas yang mahu terus merasai suasana kehidupan yang tenang dan menyamankan.

Aktiviti Bersama Keluarga

Namakan tanam-tanaman ini yang terdapat di Kampung Lorong Buangkok.